

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	31/07/2017B

Adakah ahli UMNO boleh terima semula Dr. Mahathir?

KUALA LUMPUR 30 Julai - Kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kononnya tidak akan kembali semula ke pangkuan UMNO hanya memakan diri apabila kepemimpinan parti itu memulangkan paku buah keras kepada bekas Perdana Menteri itu.

Dengan nada sinis, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein memberitahu, persoalannya bukanlah mahu kembali atau tidak, tetapi sama ada ahli masih mahu menerima bekas Presiden parti itu.

"Saya rasa Dr. Mahathir sudah tidak ada modal, beliau sudah keluar parti berapa kali?"

"Sama ada beliau balik kepada UMNO atau tidak, saya mahu tanya orang UMNO sama ada mereka terima beliau semula,"

UM- 31/7/2017 pg. 4
soalnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Bandar Tun Razak di Institut Latihan Dewan Bandaraya di sini, hari ini.

Kelmarin, Dr. Mahathir mengisytiharkan beliau tidak akan kembali kepada UMNO walaupun Datuk Seri Najib Tun Razak bukan lagi menjadi Perdana Menteri.

Dr. Mahathir membuat pengakuan itu dalam sebuah klip video yang dimuat naik di laman Facebook Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dengan mendakwa UMNO sebenarnya telah musnah dan tersesat daripada perjuangan asalnya.